



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR

## KENYATAAN MEDIA

### JPS SERAH LIMA (5) PROJEK SIAP BERNILAI RM52 JUTA KEPADA SARAWAK

**MIRI, 27 JULAI 2024** – YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bersama YB Dato' Sri Lee Kim Shin, Menteri Pengangkutan Sarawak telah menyaksikan Majlis penyerahan lima (5) projek siap yang dilaksanakan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air melalui Jabatan Pengairan dan Saliran yang berjumlah RM52 juta kepada Kerajaan Sarawak. Projek yang terlibat terdiri daripada tiga (3) Projek Rancangan Tebatan Banjir dan dua (2) Projek Hakisan Pantai iaitu:-

- Rancangan Tebatan Banjir Kawasan Penempatan Semula Kampung Bako, Kuching, Sarawak;
- Rancangan Tebatan Banjir Kampung Sebemban Lembangan Batang Sadong, Sarawak;
- Rancangan Tebatan Banjir Bintulu, Lembangan Sungai Kemeny, Sarawak;
- Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Kuala Hilir Oya, Bahagian Mukah Sarawak; dan
- Projek Pemuliharaan Muara-Muara Sungai Bagi Negeri Sarawak - Kerja-Kerja Pemuliharaan Muara Sungai Sematan, Bahagian Kuching, Sarawak.

Dengan siapnya tiga (3) projek tebatan banjir ini, seramai 3,500 penduduk di kawasan terlibat akan mendapat perlindungan daripada risiko banjir. Manakala pelaksanaan dua (2) projek hakisan pantai ini akan memberi manfaat kepada seramai hampir 11,000 penduduk dan nelayan daripada risiko banjir dan hakisan pantai.

Selain itu, YAB Menteri PETRA bersama Menteri Pengangkutan Sarawak juga telah turut meluangkan masa untuk turun padang bagi membuat pemantauan secara dekat ke atas Projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Miri, Sarawak. Projek RTB ini yang bernilai RM25.6 juta telah mula dilaksanakan di tapak sejak Oktober 2023 dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2025. Melalui pelaksanaan projek ini, seluas 1,100 hektar dan dianggarkan seramai 12,000 penduduk di kawasan persekitaran akan terhindar dari risiko bencana banjir.

Seterusnya sebagai tanda keperihatinan Kerajaan Persekutuan kepada penduduk di Negeri Sarawak terutama yang melibatkan kejadian banjir di persisiran pantai, sejumlah RM316 juta telah diluluskan bagi melaksanakan Projek Mengatasi Banjir Pantai Negeri Sarawak bagi melindungi kawasan di pesisiran pantai Negeri Sarawak sepanjang 40km. Untuk Miri, projek ini akan melibatkan kawasan di sekitar Pantai Lutong. Projek ini yang dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun 2025 melibatkan pelaksanaan kerja-kerja perlindungan di persisiran pantai sepanjang 40km. Dengan terlaksananya projek ini, dianggarkan seramai 45,000 penduduk persisir pantai akan dapat dilindungi serta 6,000 hektar kawasan agrikultur dan 300 hektar kawasan industri akan dapat dilindungi daripada risiko banjir dan hakisan pantai.

Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan cakna dalam memastikan kelestarian pelaksanaan projek-projek Kerajaan untuk memastikan impak yang maksima demi kesejahteraan rakyat dan merangsangkan ekonomi Sarawak. Secara langsung, projek ini dijangka akan turut dapat meningkatkan semula aktiviti sosio-ekonomi serta menjamin kelangsungan perhubungan penduduk setempat di samping mengurangkan kerugian harta benda, kemudahan awam dan kehilangan nyawa akibat banjir.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**27 JULAI 2024**

